

SEPAKTAKRAW

1.0 PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Sukan Sepaktakraw bagi Karnival Sukan MASUM akan dianjurkan berdasarkan:

1.1.1 Peraturan Am Karnival Sukan MASUM.

1.1.2 Peraturan yang di keluarkan oleh Gabungan Sepaktakraw Antarabangsa (ISTAF) yang berkuatkuasa ketika ini.

1.2 Permainan di pertandingkan dalam bentuk:

1.2.1 Kategori Lelaki - Antara Regu

1.2.2 Kategori Wanita - Antara Regu

1.3 Pendaftaran Pemain dan Pembentukan Pasukan

1.3.1 Setiap pasukan boleh menghantar sebanyak dua (2) regu sahaja.

1.3.2 Bilangan pegawai dan pemain bagi **Satu Regu** seperti berikut:

1.3.2.1 Kategori Lelaki

BIL	PERKARA	MAKSIMUM	MINIMUM
1	Pengurus Pasukan	1 orang	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang	1 orang
3	Pemain	3 orang	6 orang
JUMLAH		5 orang	8 orang

1.3.2.2 Kategori Wanita

BIL	PERKARA	MAKSIMUM	MINIMUM
1	Pengurus Pasukan	1 orang	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang	1 orang
3	Pemain	3 orang	5 orang
JUMLAH		5 orang	7 orang

2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan ini dijalankan secara Liga pada pada pusingan pertama dan kalahmati pada pusingan kedua.
- 2.2 Pemberian Mata.
 - 2.2.1 Menang - 2 mata
 - 2.2.2 Kalah - 0 mata

- 2.3 Pemenang bagi Pertandingan secara Liga ditentukan melalui:
 - 2.3.1 Sekiranya selesai semua perlawanan dalam sesuatu KUMPULAN, kiraan MATA diperolehi sama oleh DUA PASUKAN atau lebih, maka kemenangan akan ditentukan dengan cara turutan peraturan berikut:
 - 2.3.1.1 Kiraan perbezaan SET - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan SET, akan dikira menang.
 - 2.3.1.2 Kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA, akan dikira menang
 - 2.3.1.3 Sekiranya dengan kaedah-kaedah di atas terdapat sama juga oleh DUA REGU sahaja, maka REGU yang telah mengalahkan lawannya akan dikira menang.
 - 2.3.1.4 Sekiranya dengan kaedah-kaedah di atas juga tidak mendapat keputusan, maka REGU-REGU berkenaan akan diundi bagi menentukan kedudukan Pemenang Kumpulan.

- 2.4 Pematuhan Pakaian.
 - 2.4.1 Semua pemain hendaklah berpakaian (berjersi) seragam.
 - 2.4.2 Semua pakaian pemain hendaklah bernombor dibahagian depan dan belakang.
 - 2.4.3 Setiap pemain hendaklah memakai nombor jersi (dari 1 hingga 36 sahaja) yang sama untuk keseluruhan kejohanan.
 - 2.4.4 Ketua regu mestilah dilantik dalam setiap regu semasa permainan dan dikehendaki memakai tanda dilengan (Arm Band).

- 2.5 Peralatan
 - 2.5.1 Bola Pertandingan yang akan digunakan, akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



3.0 RINGKASAN PENYERTAAN

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Pengurus Pasukan	2 orang
2.	Jurulatih Pasukan	2 orang
3.	Pemain Lelaki	12 orang
4.	Pemain Wanita	10 orang
Jumlah		26 orang